

Hadapi cabaran ekonomi, sosial, senario

# Bajet berani,

UM 13 SEP 2003

Oleh ZAHARUDDIN MOHD. ALI

**K**UALA LUMPUR 12 Sept. – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Bajet 2004 yang dianggap paling menyeluruh dan berani bagi menghadapi cabaran ekonomi dan sosial negara serta senario antarabangsa yang tidak menentu.

Antara 'buah tangan' dalam bajet bertemakan 'Meraih Kejayaan Membina Masa Depan' itu ialah pengecualian cukai jalan bagi motosikal berkapasiti tidak melebihi 150cc yang pastinya secara langsung memanfaatkan penduduk luar bandar.

"Ia juga akan mengurangkan beban kewangan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta kumpulan belia dan anak muda," katanya yang juga Menteri Kewangan.

Dr. Mahathir yang membentangkan bajet terakhirnya sebagai Menteri Kewangan dan Perdana Menteri juga mengumumkan potongan lima peratus kepada mereka yang mahu mengerjakan haji secara muasasah untuk tahun 2004.

● Teks ucapan penuh PM di muka 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14 & 20

Ucapan bajet beliau yang mengambil masa lebih tiga jam – paling lama sejak mula membentangkannya pada 1998 – turut menyaksikan usaha kerajaan menyediakan rumah untuk penduduk setinggan di sekitar bandar-bandar utama dengan rancangan membiayai pembinaan 62,672 unit rumah kos rendah dan sederhana.

Beliau berkata, rumah-rumah itu akan disewakan kepada penduduk setinggan dan mereka yang layak membeli akan disediakan kemudahan pembiayaan akhir oleh Malaysia Building Society Berhad (MBSB).

Selain itu, bagi mengurangkan beban kewangan graduan untuk membayar balik pinjaman kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), kerajaan mengurangkan faedah pinjaman daripada empat peratus kepada tiga peratus.

antarabangsa yang tidak menentu  
menyeluruh